



جائزہ کیلئے عینہ کی جوہر

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM



Tel. Am : 07-2199000 Faks : 07-2213133 E-mail : tadbirsyariah@johor.gov.my

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (29)
Takwim : 18 Safar 1444
Tarikh : 15 September 2022

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah
Syariah Negeri Johor

ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR BILANGAN 6 TAHUN 2022

Tatacara Permohonan Penjaga *Ad litem*

Saya ingin menarik perhatian YA/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Khas Majlis Hakim-hakim Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor pada 15 September 2022 bersamaan 18 Safar 1444H telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Tatacara Permohonan Penjaga *Ad litem*.

2. Apa-apa prosiding berkaitan penjaga *ad litem* hendaklah dibuat sebagaimana berikut:-

- (i) Mahkamah boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, melulus pelantikan, memecat, mengganti atau melepaskan penjaga *ad litem*.

(ii) Apa-apa kelulusan pelantikan, pemecatan, penggantian atau pelepasan penjaga *ad litem* tidaklah boleh dibuat kecuali oleh Hakim yang mendengar kes induk.

(iii) Apa-apa permohonan berkaitan penjaga *ad litem* hendaklah -

(a) dibuat dalam Borang MS 49;

(b) didaftarkan dengan menggunakan Kod 041 (Permohonan Interlokutori); dan

(c) didengar sebagai suatu prosiding interlokutori di bawah Seksyen 187 hingga 195 Enakmen Tatacara *Ma'* Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003.

3. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama Seksyen 24 hingga 30 Enakmen Tatacara *Ma'* Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2022.



(YAA TUAN HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor

- 
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
 5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
 6. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor